

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN TAWARAN**

1. **BILANGAN TAWARAN: 27/JMM/S/12/91 (2021/2022)**  
***RENTAL AND OPERATING OF CAFETERIA FOR  
DURATION OF THREE YEARS AT BANGUNAN LAMA  
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, BANDAR SERI  
BEGAWAN***
  
2. **BILANGAN TAWARAN: 28/JMM/S/12/91 (2021/2022)**  
***RENTAL AND OPERATING OF SOUVENIR SHOP FOR A  
DURATION OF TWO YEARS AT BANGUNAN LAMA  
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, BANDAR SERI  
BEGAWAN***

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran dibukakan kepada syarikat-syarikat/pemborong-pemborong yang mempunyai 'Sijil Pendaftaran' yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam yang berkaitan dengan kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja diatas.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen Tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iatu dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
4. **Yuran Tawaran** bagi setiap borang adalah **B\$10.00 (Ringgit: Sepuluh Ringgit Sahaja)** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL, PETI TAWARAN, TINGKAT 1, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, SIMPANG 336-17, JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN BA1210, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Hari Penerangan/*Information Day* akan di adakan pada hari **Rabu 9hb Mac 2022 Jam 9 pagi** dan kehadiran Pemborong/Syarikat adalah di **MESTIKAN** bagi memudahkan lagi untuk membuat penilaian
7. Tawaran yang lengkap hendaklah dihantar **TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG PADA HARI SELASA 15 MAC 2022.**
8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.
10. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang Tawaran yang disediakan. Borang Tawaran dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
11. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebutharga (seperti kenyataan Para 4).
12. Penender dimestikan untuk menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
14. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).